

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) – TERMS & CONDITIONS OF MUAMALAT GOLD-i – GOLD ACCOUNT
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”))

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Product Disclosure Sheet (PDS) for Muamalat Gold-i – Gold Account, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB (“the Bank”) which may be imposed from time to time according to the specific types of gold bought by the Customer. Any gold bought and any operations on Muamalat Gold-i – Gold Account made shall be subject to and governed by the Terms & Conditions mentioned below:

1. DEFINITIONS

1.1. Definitions

“**Account**” refers to the Customer’s Current Account or Savings Account opened and maintained with the Bank.

“**Bai’ Sarf**” refers to sell of currency which is subject to Shariah principle. Technically, it is a sale of money-for-money such as the sale of gold-for-gold or silver-for-silver.

“**BMMB or The Bank**” means Bank Muamalat Malaysia Berhad and includes its branches and its successor-in-title and assigns.

“**BNM**” means Bank Negara Malaysia.

“**Buying Price**” denotes the price that the Bank buys the Gold from the Customer which to be determined by Gold Supplier.

“**Conversion of Gold**” refers to the conversion of gold which resides in the Gold Account into Physical Gold.

“**Gold Account**” refers to a method of transaction of certain quantities of gold which are sold to the Customer and the purchased gold will be safekept by the Bank at the Bank’s vault.

“**Customer**” means the account holders(s) such as minors, individuals, partnerships, sole-proprietorship, companies, club, societies, associations, organisations and statutory bodies and shall include the heirs, authorized person, agents, administrators, personal representatives and successor-in-title unless specified otherwise in these Terms & Conditions or by BMMB from time to time.

“**Gold Amount**” means a sum in Malaysian Ringgit for the purchase of gold which shall be equal to the total quantity of gold to be purchased multiplied by the price of the gold as quoted by the Bank on the Business Day.

“**Gold Passbook**” will be issued to Customer upon account opening of Gold Account. It will contain the principal account holder’s name, account number and the description of the gold purchased (denomination in grams).

“**Gold Supplier**” means Quantum Metal Sdn. Bhd. or a reputable, certified and authorized gold supplier which shall be determined and notified by the Bank from time to time.

“**Internet Banking Service**” known as “**i-muamalat**” refers to the i-muamalat services or the Bank’s internet banking service (as the context may require) made available by the Bank comprised, inter alia, the service, which may be accessed by the Customer via the Internet, Mobile Devices or any other electronic medium approved by the Bank, in accordance with these Terms and Conditions;

“**MG-i – Gold Account**” refers to the Muamalat Gold-i – Gold Account.

“**Redemption Form**” refers to a form which needs to be filled up by the Customer for redemption/sale of the purchased gold.

“**Selling Price**” denotes the price that the Bank sells the Gold to the Customer which to be determined by the Gold Supplier.

“**Terms & Conditions (T&C)**” means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply.

“**Trust Account**” means an account opened and maintained by the legal guardian(s) or parents or a business entity (ies) acting as Trustee for the Customer.

“**Wa`d**” refers to a promise or undertaking, refers to an expression of commitment given by one party to another to perform certain action(s) in future; subject to shariah principle.

“**Wadi’ah**” refers to a contract by which an asset is placed with another party for safekeeping subject to shariah principle. In a *Wadi’ah* contract, there shall be a custodian (*wadi’*); and a safekeeping depositor (*mudi*) of the asset (collectively referred to as “contracting parties”).

“**Wakalah**” is an agency contract whereby one party, acting as the principal, mandates and authorises the other party, acting as the agent, to perform specified tasks; subject to shariah principle.

2. CONDUCT OF GOLD ACCOUNT

2.1. For the purchase of Gold Account, the Customer shall be required to do the following:

- a) Read and acknowledge the Product Disclosure Sheet and the T&C; and
- b) Deposit (or ensure there is sufficient balance) into the relevant Account the sum of money equivalent to the Gold Amount.

2.2. Upon the Customer signing the relevant documents of MG-i – Gold Account, the Bank shall debit the Customer’s relevant Savings or Current Account for the Gold Amount. The Customer shall receive a transaction slip or the transaction may be updated in the gold passbook, whichever that applies.

2.3. To affect the redemption or conversion of the gold, the Bank shall check the records of the Customer in the Bank’s records and only Customer who are registered as the purchaser or owner of the gold or the authorised signatories of the MG-i – Gold Account shall be allowed to perform the redemption transaction.

2.4. Customers shall be responsible for all taxes or levies payable on the MG-i – Gold Account or for the gold purchased and/or sold under the MG-i – Gold Account (if any).

3. SCOPE OF WAKALAH AND WADI’AH

3.1 *Wakalah* is the Shariah concept applicable for MG-i – Gold Account in relation to the role of the Bank as agent of the Gold Supplier. Under this contract, the Bank will act as an agent to the Gold Supplier. The Bank will buy/sell the gold from/to the Customer on behalf of The Gold Supplier.

3.2 *Wadi’ah* is the Shariah concept applicable for MG-i –Gold Account in relation to the role of the Bank in safekeeping the gold in its vault on behalf of the customers.

4. PURCHASE OF GOLD BY THE CUSTOMER

4.1 MG-i – Gold Account refers to a method of transaction of certain quantities of gold which are sold to the Customer and the purchased gold will be safekept by the Bank at the Bank’s vault.

4.2 Gold passbook will record every Gold Account transactions for the respective quantities of gold (grams). The records will contain the Gold Account number and the description of gold purchased (i.e. gold fineness, total quantity of the gold).

4.3 Prior to purchasing the gold, the Customer is required to read the PDS and Terms and Conditions which is provided by the Bank and subject to the Bank’s requirements, including but not limited to the minimum age requirement, quantities of gold, references and supporting documents acceptable to the Bank. The Bank may vary such requirement(s) from time to time. The Bank at its discretion may refuse any application to buy the gold.

4.4 The minimum quantity of gold that shall be purchased is as illustrated in the table below and this shall be subject to any changes as determined by the Bank from time to time:

Type of Customer	Initial Purchase	Subsequent Purchase
Individual / Non-Individual	1 gram or RM 10	RM 10 (or its equivalent in gram)

4.5 The Customer shall make a declaration and acceptance that the Customer shall be bound by the following:

- a) T&C of the MG-i Physical
- b) Regulations or directives by Bank Negara Malaysia; and
- c) Laws of Malaysia.

4.6 MG-i – Gold Account can be opened by any qualified individual or person at the age of eighteen (18) and above, companies, societies, associations and institutions. However, for an individual or person at the age of below eighteen (18), the MG-i – Gold Account will be classified as a Trustee Account and to be opened under the name of the parents or legal guardian.

- 4.7 The Customer must have read the Product Disclosure Sheet, the T&C and all related documents and shall be recommended by the Bank for the buying of MG-i – Gold Account.
- 4.8 The Customer shall provide the Bank with a written acknowledgement declaring among others, that all information disclosed to the Bank is true, complete and accurate and the Customer has read, understood and agreed to the features and risks of the MG-i – Gold Account.
- 4.9 The Customer may, on any Business Day and from time to time purchase such amount of gold from the Bank subject to the terms and conditions herein contained.
- 4.10 The Bank shall forthwith record the purchase transaction in the system on the account number, quantity of purchased gold and the Gold Amount at the time of purchase.
- 4.11 The gold price per gram for the quantity of the gold at which each purchase will be made by the Customer shall form the Gold Amount of the Customer. The calculation of the Gold Amount shall be determined by the Gold Supplier at its sole and absolute discretion in accordance with Shariah principles, taking into account all factors the Bank shall deem relevant including the prevailing world and local market conditions for gold, the purchase price in Malaysian Ringgit (MYR) and the gold purity.
- 4.12 The indicative daily Customer's purchase price (Selling Price from the Bank's perspective) of gold shall be displayed during the business hours at the branches of BMMB, website or other means of communication and to be quoted as BMMB's Selling and Buying prices.
- 4.13 The actual daily Customer's purchase price of gold is to be made known to the Customer upon the Customer's confirmation to purchase the gold.
- 4.14 In the event that there is no actual price available or in the situation where the Bank is only able to carry out the Customer's request on the next business day, the applicable price will be the price determined by the Gold Supplier at its sole and absolute discretion in accordance with Shariah principles.
- 4.15 The Bank requires the payment to be cleared prior to any transaction can be performed for payment via cheque or any other payment methods, whichever applicable.
- 4.16 The Customer shall be responsible for the relevant fees and agree for the Bank to pay such fees on behalf of the Customer, if applicable.
- 4.17 There are three (3) methods for the Customer to purchase the gold :-
 - a) Over the Counter
 - The Customer may perform the gold account transaction at the nearest branch.
 - b) Automated Fund Transfer (AFT) or Standing Instruction (SI)
 - Automated Fund Transfer (AFT) or Standing Instruction (SI) allows the Customer to instruct payment to purchase gold at specified time and value of gold in Ringgit Malaysia. Through the AFT or SI, the Customer authorizes the Bank to proceed despite variation on gold prices.

Note: The quantity of gold will vary accordingly to market price on transaction day; and
 - Automated Fund Transfer (AFT) or Standing Instruction (SI) is only applicable for normal gold price and is NOT valid for junior gold price and any other promotion gold price;
 - c) Online Purchase
 - The Customer may purchase the gold through *i-muamalat*. The Bank's system will debit the Customer's CASA account upon purchase and immediately (instantly) transfer the purchased gold to Customer's gold account and it will generate a printable receipt for purchase of Gold-i for the Customer record.
- 4.18 Purchase of the Gold can be made in any BMMB branches during operation hours from 9.30 am to 4.00 pm on any business day, while purchasing the Gold via *i-Muamalat* shall be made available twenty-four (24) hours a day and seven (7) days a week.
- 4.19 Other transaction offers which does not involve in sale and purchase of gold is transfer of gold from one accountholder to another. This refers to the transfer of gold on the basis of Hibah, from one accountholder to another, without any sale transaction being affected.

5. JOINT ACCOUNT

- 5.1 Joint Account is not allowed.

6. INDEMNITY

6.1 The Customer(s) hereby agree(s) that the Customer(s) shall hold the Bank from any liability and indemnify (ies) the Bank against any loss, claims, damages, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred and sustained by the Bank as a result of acting on the Customer(s) instruction to purchase and/or sell the Gold or in enforcing the terms and conditions herein contained or incurred by the Bank in any legal proceedings of whatever nature.

7. REDEMPTION/SALE OF GOLD

7.1 There are two (2) methods for the Customer to sell the gold :-

a) Over the Counter

- The Customer may, on any business day, sell the gold by presenting the gold passbook and identification card and completing the Redemption Form.

b) Online Sale

- The Customer may sell the gold through *i-muamalat*. The Bank's system will credit the Customer's CASA account upon sale and immediately (instantly) transfer the sold gold from Customer's gold account and it will generate a printable receipt for sale of Gold-i for the Customer record.

7.2 The proceeds of the sale shall be paid to the Customer on the same business day by crediting into the Customer's Savings or Current Account or such other payment methods as determined by the Bank and agreed by the Customer from time to time.

7.3 Gold redemption can be made in any BMMB branches during operation hours from 9.30 am to 4.00 pm on any business day, while Gold redemption via *i-Muamalat* shall be made available twenty-four (24) hours a day and seven (7) days a week.

7.4 Third party redemption transaction is not permitted by the Bank. For non-individuals, an instruction letter from company duly signed by an authorised signatory must be given to the Bank prior to the selling transaction. The Customer/registered owner as per the Bank's records must conduct the transaction personally at any of the BMMB's branch.

7.5 Partial redemption which refers to sale of a portion of the total holding of gold inventory is allowed.

7.6 The indicative daily Customer's selling price (Buying Price from the Bank's perspective) of gold shall be displayed during the business hours at the branches of BMMB, website or other means of communication and to be quoted as BMMB's Selling and Buying prices.

7.7 The actual daily Customer's selling price of gold is to be made known to Customer upon Customer's confirmation to sell the gold.

7.8 In the event of disruption of technical system, the Bank shall have the right to refuse to effect the sale instruction.

7.9 Minimum redemption is 1 gram or RM 10.

8. CONVERSION OF GOLD

8.1 It refers to a conversion from the Gold Account to Physical Gold only. It does not involve buy and sell transactions.

8.2 The Bank does not offer the conversion of Physical Gold to Gold Account. However, the Customer may sell the Physical Gold and buy the Gold Account at the prevailing market price.

8.3 The Customer has to bring the gold passbook, fill up the Gold Conversion Form and provide an advanced notice to the respective branch informing the branch of their intention to withdraw the gold from the Gold Account and to take-home the Physical Gold.

8.4 The conversion fees will be imposed for this transaction (for each denomination) and subject to the prevailing market price of the transaction day.

8.5 The Physical Gold is subject to the availability of the stock in BMMB's branch. The stock shall be ready within 10 working days from the advance notice received by the branch.

9. CHANGE IN PARTICULARS

9.1 No change in the Customer's information, address, telephone number etc., howsoever brought about shall be effective or binding on the Bank unless the Customer has given to the Bank a written notice of such changes. The changes shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address over which the Bank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.

9.2 The Customer is requested to notify the Bank in writing not later than 3 days of any changes of authorised signatures or signatories, change of office bearer (for society's account), change of Articles of Association (for company account) change of address or any other pertinent particulars in the Bank's records etc. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to the Customer.

10. LAW

10.1 These Terms & Conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of BNM and other relevant bodies, in force from time to time.

11. FEES AND CHARGES

11.1 Charges will be imposed according to the Bank's Charges. The Bank shall comply with all relevant rules and decisions by BNM.

11.2 The Customer hereby agrees that the Bank has the right to vary the change in fees and charges applicable to the MG-i – Gold Account by giving twenty one (21) days notice or communication of the said variation, and any such notice or communication of any variations may be delivered personally, or by registered/ordinary post to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises or newspaper, or e-mail, or web page, or short messaging service, or by any other modes which the Bank deems fit. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to Customer.

12. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 ("IFSA") AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("PDPA")

12.1 The Customer(s) consents and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the Customer's personal data to other entities within the BMMB including its branches as well as subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties/bodies listed in clause 12.2 below.

12.2 The Customer(s) also consent and agree to the Bank conducting credit checks and verification of information given by the Customer in the Customer's application for the Banking Accounts or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Customer(s) also consent to the Bank's disclosure of the Customer's financial condition, details of accounts, account relationship with the Bank including credit balances to:

- a) Government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
- b) companies which are related to the Bank by virtue of Section 6 of the Companies Act 1965, or any associated company of the Bank;
- c) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank;
- d) the Bank's agents, consultants and professional advisers;
- e) the police or any investigating officer conducting any investigation; and
- f) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request.

12.3 The Bank may, subject to compliance with the applicable regulatory rules or guidelines, use or apply any information relating to the Customer's collected, compiled, or obtained by the Bank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by the Bank.

12.4 The Customer(s) hereby agree that the Bank's employees, independent contractor, representatives and/or agents to contact the customer from time to time through personal visits or oral communication effected via any means of communication including but not limited to telephone calls regarding any products or services promotion unless objected to in writing by the Customer(s).

12.5 The Customer(s) also declare that all personal information and data set forth herein is/are all true, up to date and accurate and should there be any changes to any personal information or data set forth herein, shall notify the Bank immediately.

13. FORCE MAJEURE

13.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a

force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.

14. MISCELLANEOUS

14.1 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer:

- a) If personally delivered, at the time of delivery; or
- b) If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business day after mailing; or
- c) If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice.

14.2 In the event of any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms & Conditions shall prevail.

14.3 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the customers within Twenty One (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.

14.4 The terms and conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this Terms & Conditions shall be subject to Shariah principles.

14.5 Muslim customers shall be responsible for paying the Zakat due on his/her Gold Account.

NOTICE: The returns on MG-i – Gold Account are subject to the gold price fluctuations. Customers are advised to read and understand the product before making any deposit.

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) – TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT MUAMALAT EMAS-i – AKAUN EMAS (Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”))

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Muamalat Emas-i – Akaun Emas, risalah, brosur atau apa-apa terma dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak BMMB (“**Bank**”) yang mungkin akan dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis akaun-akaun tertentu yang dibuka oleh pelanggan. Setiap emas yang dibeli dan operasi yang dibuat ke atas Muamalat Emas-i – Akaun Emas ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

1. DEFINISI

1.1 Definisi

“**Akaun**” merujuk kepada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa pelanggan yang dibuka dan dikekalkan dengan Bank.

“**Akaun Amanah**” bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh penjaga yang sah atau ibubapa atau entiti perniagaan yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pelanggan.

“**Akaun Emas**” merujuk kepada kaedah transaksi tertentu kuantiti emas yang akan dijual kepada pelanggan dan emas yang dibeli itu akan disimpan oleh Bank di ruang penyimpanan Bank.

“**Bai’ Sarf**” merujuk kepada penjualan mata wang yang tertakluk kepada prinsip Syariah. Secara teknikal, ia adalah penjualan mata wang untuk wang seperti penjualan emas untuk emas dan perak untuk perak

“**BMMB atau Bank**” bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad termasuk cawangan-cawangan serta pengganti hak milik dan penerima serah hak.

“**BNM**” bermaksud Bank Negara Malaysia.

“**Borang Penebusan**” merujuk kepada borang yang perlu diisi oleh pelanggan bagi penebusan/jualan emas yang dibeli.

“**Buku Simpanan Emas**” akan diberikan kepada pelanggan apabila membuka Akaun Emas. Ia akan mengandungi nama pemegang akaun prinsipal, nombor akaun dan butiran emas yang dibeli (dalam denominasi gram).

“**Harga Belian**” menandakan harga di mana pihak Bank membeli Emas daripada pelanggan yang akan ditentukan oleh Pembekal Emas.

“**Harga Jualan**” menandakan harga di mana pihak Bank menjual Emas kepada pelanggan yang akan ditentukan oleh Pembekal Emas.

“**Jumlah Emas**” bermaksud jumlah dalam Ringgit Malaysia bagi pembelian emas yang bersamaan dengan kuantiti emas yang akan dibeli didarabkan dengan harga emas yang dinyatakan oleh Bank pada Hari Perniagaan.

“**ME-i – Akaun Emas**” merujuk kepada Muamalat Emas-i – Akaun Emas.

“**Pelanggan**” bermaksud pemegang akaun seperti minor, individu, rakan kongsi, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, pertubuhan, organisasi dan badan-badan berkanun dan hendaklah termasuk waris, orang yang diberi kuasa, ejen, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik kecuali jika dinyatakan selain itu dalam Terma & Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

“**Pembekal Emas**” merujuk kepada Quantum Metal Sdn Bhd atau pembekal emas yang mempunyai reputasi yang baik, disahkan dan diluluskan yang mana akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Penukaran Emas**” merujuk kepada Pertukaran Emas yang terdapat di dalam Akaun Emas kepada Emas Fizikal.

“**Perkhidmatan Perbankan Internet**” dikenali sebagai “**i-muamalat**” merujuk kepada perkhidmatan daripada *i*-muamalat atau perkhidmatan perbankan Islam yang diberikan oleh pihak Bank seperti, antara lain, perkhidmatan tersebut yang dapat di akses oleh

pelanggan melalui Internet, peranti mudah alih atau apa-apa medium elektronik yang disahkan oleh pihak Bank, berdasarkan Terma & Syarat ini.

“**Terma & Syarat (T&S)**” bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat daripada semasa ke semasa oleh BMMB dengan notis terlebih dahulu dan hendaklah terpakai kepada semua akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun khusus yang sebaliknya diguna pakai.

“**Wa’d**” merujuk kepada suatu janji atau janji, merujuk kepada satu ungkapan komitmen yang diberikan oleh salah satu pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang; tertakluk kepada prinsip Syariah.

“**Wadi’ah**” merujuk kepada kontrak di mana aset diletakkan dengan pihak lain untuk simpanan tertakluk kepada prinsip Syariah. Dalam kontrak *Wadi’ah*, terdapat pihak jagaan (wadi’); dan memastikan pendeposit simpanan (mudi’) aset tersebut (secara kolektif dirujuk sebagai “pihak kontrak”).

“**Wakalah**” merupakan sebuah agensi kontrak di mana salah satu pihak, bertindak sebagai prinsipal, mandat dan memberikuasa kepada pihak lain, bertindak sebagai wakil, untuk melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan; tertakluk kepada prinsip Syariah.

2. PENGENDALIAN AKAUN

2.1 Bagi pembelian Akaun Emas, pelanggan hendaklah melakukan perkara berikut:

- a) Membaca dan memahami Risalah Pendedahan Produk, T&S dan mengemukakan pengakuan bertulis pada T&S ini; dan
- b) Mendepositkan (atau memastikan terdapat baki yang mencukupi) ke dalam Akaun yang berkenaan sejumlah wang yang bersamaan dengan Jumlah Emas.

2.2 Setelah pelanggan menandatangani dokumen yang berkaitan ME-i – Akaun Emas, pihak Bank akan mendebitkan Akaun pelanggan yang berkaitan bagi Jumlah Emas tersebut. Pelanggan akan menerima slip transaksi atau transaksi tersebut boleh dikemaskini di dalam buku simpanan emas, mengikut kaedah mana yang digunakan.

2.3 Bagi penebusan atau penukaran emas, Bank akan menyemak rekod pelanggan di dalam rekod Bank dan hanya pelanggan yang berdaftar sebagai pembeli atau pemilik emas atau penandatangani diberi kuasa ME-i – Akaun Emas sahaja akan dibenarkan untuk melaksanakan urusan niaga penebusan.

2.4 Pihak pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas segala cukai atau levi yang perlu dibayar ke atas ME-i – Akaun Emas atau bagi emas yang telah dibeli dan/atau dijual di bawah ME-i – Akaun Emas (jika ada).

3. SKOP WAKALAH DAN WADI’AH

3.1 Wakalah adalah konsep Syariah utama yang digunakan bagi ME-i – Akaun Emas berhubung dengan peranan Bank sebagai wakil kepada Pembekal Emas. Di bawah kontrak ini, pihak Bank akan bertindak sebagai wakil kepada Pembekal Emas. Pihak Bank akan Beli/Jual emas daripada/kepada pelanggan bagi pihak Pembekal Emas.

3.2 Wadi’ah merupakan konsep Syariah yang digunakan untuk ME-i – Akaun Emas berhubung dengan peranan pihak Bank untuk memastikan emas di dalam ruang simpanan Bank bagi pihak pelanggan.

4. PEMBELIAN EMAS OLEH PELANGGAN

4.1 ME-i – Akaun Emas merujuk kepada kaedah transaksi tertentu kuantiti emas yang akan dijual kepada pelanggan dan emas yang dibeli itu akan disimpan oleh Bank di ruang penyimpanan Bank.

4.2 Buku simpanan emas akan merekod setiap urusan niaga Akaun Emas pada jumlah kuantiti emas (gram) yang tertentu. Rekod tersebut akan mengandungi nombor akaun dan jenis emas yang dibeli (iaitu ketulenan emas, jumlah kuantiti emas).

4.3 Sebelum membeli emas, pelanggan hendaklah membaca Risalah Pendedahan Produk dan Terma dan Syarat yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada had umur, kuantiti emas, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterimapai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan terhadap syarat-syarat tersebut dari semasa ke semasa. Pihak Bank mengikut budi bicaranya boleh menolak sebarang permohonan untuk membeli Emas.

4.4 Kuantiti minimum emas yang akan dibeli adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah dan tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa:

Jenis Pelanggan	Belian Permulaan	Belian Seterusnya
Individu / Bukan Individu	1 gram atau RM 10	RM 10 (atau bersamaan dalam gram)

- 4.5 Pelanggan hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa pelanggan akan terikat dengan:
- T&S ME-i Fizikal;
 - Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - Undang-undang Malaysia.
- 4.6 ME-i – Akaun Emas boleh dibuka oleh individu yang berkelayakan atau telah mencapai umur lapan belas (18) tahun dan ke atas, syarikat, persatuan, pertubuhan dan institusi. Walau bagaimanapun, bagi individu di bawah umur 18 tahun, ME-i – Akaun Emas akan diklasifikasikan sebagai Akaun Amanah dan ianya akan dibuka di bawah nama ibubapa atau penjaga yang sah di bawah undang-undang.
- 4.7 Pelanggan hendaklah membaca Risalah Pendedahan Produk, T&S dan semua dokumen-dokumen berkaitan sebelum disyorkan oleh Bank untuk membeli ME-i – Akaun Emas.
- 4.8 Pelanggan haruslah mengemukakan kepada pihak Bank dengan pengakuan bertulis yang mengisytiharkan antara lain, bahawa semua informasi yang didedahkan kepada Bank adalah benar, lengkap dan tepat dan pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju dengan ciri-ciri dan risiko ME-i – Akaun Emas.
- 4.9 Pelanggan boleh, pada bila-bila masa pada Hari Perniagaan dan dari semasa ke semasa membeli jumlah emas tersebut daripada pihak Bank mengikut keadaan, yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
- 4.10 Pihak Bank dengan serta-merta merekodkan transaksi pembelian di dalam system berkenaan nombor akaun, kuantiti emas yang telah dibeli, dan Jumlah Emas pada masa pembelian.
- 4.11 Harga emas setiap gram bagi kuantiti emas pada setiap pembelian yang akan dibuat oleh pelanggan akan membentuk Jumlah Emas pelanggan. Pengiraan Jumlah Emas tersebut akan ditentukan oleh pihak Pembekal Emas menurut budi bicara tunggal dan mutlakny mengikut prinsip-prinsip Syariah, dengan mengambil kira semua faktor yang berkaitan yang difikirkan relevan oleh Bank termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan bagi emas, Ringgit Malaysia (RM) dan ketulenan emas.
- 4.12 Harga indikatif harian belian (Harga Jualan daripada perspektif Bank) emas pelanggan akan dipaparkan semasa waktu perniagaan di cawangan BMMB, laman sesawang atau apa-apa cara komunikasi yang lain dan akan disebut harga oleh BMMB sebagai Harga Jualan dan Belian.
- 4.13 Harga harian sebenar belian emas pelanggan hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan semasa pengesahan pelanggan untuk membeli emas.
- 4.14 Sekiranya tiada harga sebenar atau dalam situasi di mana pihak Bank hanya boleh menunaikan permintaan pelanggan pada hari perniagaan berikutnya, harga yang dikenakan adalah harga yang ditentukan oleh pihak Pembekal Emas mengikut budi bicara tunggal dan mutlakny mengikut prinsip-prinsip Syariah.
- 4.15 Pihak Bank memerlukan bayaran yang telah dijelaskan sebelum sebarang transaksi boleh dilakukan bagi pembayaran melalui cek atau mana-mana kaedah pembayaran yang lain, jika berkenaan.
- 4.16 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas yuran yang berkaitan dan bersetuju untuk Bank membayar yuran-yuran tersebut bagi pihak pelanggan, jika berkenaan.
- 4.17 Terdapat empat (4) kaedah untuk Pelanggan membeli emas :-
- Urusniaga di Kaunter
 - Pelanggan boleh melaksanakan urusan jual beli untuk Akaun Emas di cawangan Bank yang berdekatan.
 - Pembelian di Luar Kawasan
 - Pembelian di luar kawasan bermaksud Pelanggan tidak hadir ke cawangan Bank untuk membeli emas. Melalui kaedah ini, Pelanggan telah memberi kuasa kepada wakil jualan Bank untuk membeli emas bagi pihak Pelanggan.
 - Pelanggan perlu mengisi borang Surat Kuasa untuk Pembelian Emas di Luar Kawasan bagi melaksanakan transaksi luar kawasan.
 - Pindahan Dana Automatik (PDA) atau Arahan Tetap (AT)

- Pindahan Dana Automatik (PDA) atau Arahan Tetap (AT) memberikan kemudahan kepada Pelanggan untuk memberikan arahan pembayaran untuk membeli emas pada tempoh masa yang ditetapkan dan nilai emas dalam Ringgit Malaysia. Melalui PDA atau AT, Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk meneruskan transaksi walau apa-apa pun variasi harga emas.
Nota: Kuantiti emas adalah berbeza-beza mengikut harga pasaran pada hari transaksi; dan
- Pindahan Dana Automatik (PDA) atau Arahan Tetap (AT) adalah terpakai untuk harga asal emas. dan TIDAK terpakai kepada harga emas junior dan lain – lain harga promosi emas.

c) Pembelian secara atas talian

- Pihak Pelanggan boleh membeli emas melalui *i*-muamalat. Sistem Bank akan mendebit wang dari akaun ASAS (Akaun Semasa / Akaun Simpanan) Pelanggan dan dengan segera mengkredit pembelian emas tersebut ke dalam akaun emas Pelanggan dan sistem akan menjana resit pembelian emas yang boleh dicetak sebagai rekod Pelanggan.

4.18 Pembelian Emas boleh dilakukan di mana-mana cawangan BMMB pada waktu beroperasi pada hari perniagaan bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.00 petang, manakala pembelian Emas atas talian (iaitu *i*-Muamalat) adalah disediakan selama dua puluh empat (24) jam sehari dan tujuh (7) hari dalam seminggu.

4.19 Perkhidmatan lain yang ditawarkan yang tidak melibatkan jual beli emas adalah pemindahan emas daripada seorang pemegang akaun kepada yang lain. Ini merujuk kepada pemindahan emas berasaskan Hibah, daripada seorang pemegang akaun kepada yang lain, tanpa apa-apa transaksi penjualan.

5. AKAUN BERSAMA

5.1 Akaun Bersama adalah tidak dibenarkan.

6. INDEMNITI

6.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pelanggan hendaklah melepaskan Bank daripada sebarang liabiliti dan menanggung rugi terhadap apa-apa kerugian, tuntutan, kerosakan, kos dan perbelanjaan jua dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung dan dialami oleh Bank akibat daripada tindakan pelanggan untuk membeli dan/atau menjual emas dalam menguatkuasakan terma-terma dan syarat terkandung atau ditanggung oleh Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk.

7. PENEBUSAN/PENJUALAN EMAS

7.1 Terdapat dua (2) kaedah untuk Pelanggan menjual emas :-

a) Di Kaunter

- Pihak Pelanggan boleh, pada hari perniagaan, menjual emas dengan menunjukkan buku simpanan emas dan kad pengenalan diri dan melengkapkan Borang Penebusan,

b) Penjualan secara atas talian

- Pihak Pelanggan boleh menjual emas melalui *i*-muamalat. Sistem Bank akan mengkredit akaun ASAS Pelanggan apabila berlakunya penjualan emas dan dengan segera memindahkan emas yang telah dijual dari akaun emas Pelanggan dan sistem akan menjana resit pembelian emas yang boleh dicetak sebagai rekod Pelanggan.

7.2 Hasil jualan hendaklah dibayar kepada pelanggan pada hari perniagaan yang sama dengan mengkreditkan ke dalam Akaun pelanggan atau apa-apa kaedah pembayaran lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank dan telah dipersetujui oleh pelanggan dari semasa ke semasa.

7.3 Penebusan Emas boleh dilakukan di mana-mana cawangan BMMB pada waktu beroperasi pada hari perniagaan bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.00 petang, manakala penebusan Emas atas talian (iaitu *i*-Muamalat) adalah disediakan selama dua puluh empat (24) jam sehari dan tujuh (7) hari dalam seminggu.

7.4 Penebusan Emas Transaksi penebusan oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan oleh pihak Bank. Bagi bukan individu, surat arahan daripada syarikat yang ditandatangani oleh penandatanganan sah yang dibenarkan mestilah diberikan kepada pihak Bank sebelum transaksi jualan. Pelanggan/pemilik berdaftar seperti yang terdapat dalam rekod Bank mestilah menjalankan urusan tersebut secara peribadi di mana-mana cawangan BMMB.

7.5 Penebusan sebahagian merujuk kepada penjualan sebahagian daripada jumlah inventori emas adalah dibenarkan.

- 7.6 Harga jualan indikatif harian (Harga Belian daripada perspektif Bank) emas pelanggan akan dipaparkan semasa waktu perniagaan di cawangan BMMB, laman sesawang atau apa-apa cara komunikasi yang lain dan akan disebut harga oleh BMMB sebagai Harga Jualan dan Belian.
- 7.7 Harga harian sebenar jualan emas pelanggan hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan semasa pengesahan pelanggan untuk menjual emas.
- 7.8 Sekiranya berlaku gangguan sistem teknikal, pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang transaksi penjualan.
- 7.9 Penebusan minimum adalah sebanyak 1 gram atau RM 10.

8. PENUKARAN EMAS

- 8.1 Ia merujuk kepada penukaran dari Akaun Emas kepada Emas Fizikal sahaja. Ia tidak melibatkan urusan niaga belian atau jualan.
- 8.2 Pihak Bank tidak menawarkan khidmat penukaran Emas Fizikal kepada Akaun Emas. Walau bagaimanapun, pelanggan boleh menjual Emas Fizikal dan membeli Akaun Emas pada harga pasaran semasa.
- 8.3 Pelanggan perlu membawa buku simpanan emas, mengisi Borang Penukaran Emas dan memberi notis lanjutan kepada cawangan masing-masing bagi memaklumkan kepada cawangan yang mereka berhasrat untuk mengeluarkan emas dari Akaun Emas dan membawa pulang Emas Fizikal.
- 8.4 Yuran penukaran akan dikenakan untuk transaksi ini (bagi setiap denominasi) dan tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tarikh urusan niaga tersebut.
- 8.5 Emas Fizikal adalah tertakluk kepada ketersediaan stok di cawangan BMMB. Stok dijangka tersedia dalam tempoh 10 hari bekerja daripada notis pendahuluan yang diterima oleh Cawangan.

9. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 9.1 Tiada sebarang perubahan maklumat pelanggan, alamat, nombor telefon dan lain-lain walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan pelanggan telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijilankan.
- 9.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada 3 hari sekiranya terdapat perubahan pada tandatangan dan penandatangan, penukaran pemegang amanah (untuk akaun persatuan), penukaran Undang-Undang Tubuh Syarikat (untuk akaun syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank dan lain-lain. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada pelanggan.

10. UNDANG-UNDANG

- 10.1 Terma & Syarat ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan BNM dan peraturan badan-badan yang berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

11. YURAN DAN CAJ

- 11.1 Caj akan dikenakan berdasarkan caj semasa pihak Bank. Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM.
- 11.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj berkaitan dengan ME-i – Akaun Emas ini dengan memberi notis dua puluh satu hari (21) atau komunikasi mengenai perubahan tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian, atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak pelanggan di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank, atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar, atau e-mel, atau laman sesawang, atau khidmat pesanan ringkas, atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada pelanggan.

12. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN DATA PELANGGAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (“IFSA”) DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“PDPA”)

- 12.1 Pihak Pelanggan memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan, dan mengawal data peribadi pelanggan kepada entiti-entiti lain yang mempunyai

hubungan bersama BMMB, termasuklah cawangan-cawangan BMMB dan juga syarikat subsidiari dan pihak-pihak luar, termasuk juga namun tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang tersenarai di dalam fasal 12.2 di bawah.

12.2 Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk melaksanakan penyemakan kredit dan memastikan bahawa maklumat yang pelanggan beri adalah sah di dalam perisian Akaun Perbankan atau perkhidmatan bersama-sama dengan biro-biro kredit atau pembangunan korporat yang bertujuan untuk mengumpul dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain. Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan status kewangan pelanggan, maklumat akaun, perhubungan akaun bersama Bank, termasuk juga baki kredit kepada:

- a) kerajaan atau penguasa peraturan di Malaysia dan penguasa peraturan di mana-mana sahaja, termasuklah Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
- b) syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan bersama Bank oleh sebab seksyen 6 di bawah Akta Syarikat 1956, atau mana-mana syarikat bersekutu di bawah bank;
- c) pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pembekal-pembekal luar, peguam-peguam, calon-calon, penjaga-penjaga, organisasi pemegang saham atau pendaftar, agen-agen pungutan hutang) kepada Bank;
- d) ejen-ejen Bank, perunding-perunding, dan penasihat-penasihat profesional;
- e) pihak polis atau mana-mana pegawai perisikan yang melaksanakan penyiasatan; dan
- f) mana-mana pihak yang dibenarkan untuk didedahkan atau diwajibkan oleh undang-undang, syarat-syarat, atas arahan atau permintaan daripada pihak kerajaan.

12.3 Pihak Bank boleh, mengikut kepada pematuhan yang terdapat pada terma dan syarat, menggunakan atau meletakkan di mana-mana maklumat yang berkaitan dengan pelanggan setelah dikumpulkan, dikompilkan, atau diperoleh daripada Bank melalui, atau apa-apa cara dengan tujuan mendapatkan maklumat tersebut seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.

12.4 Pihak Pelanggan telah bersetuju bahawa kakitangan Bank, kontraktor-kontraktor bebas, wakil-wakil atau agen-agen untuk menghubungi pelanggan dari semasa ke semasa melalui perjumpaan secara peribadi atau komunikasi secara lisan melalui apa-apa cara komunikasi, termasuk juga namun tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan promosi produk-produk atau perkhidmatan, kecuali tidak dipersetujui oleh pihak Pelanggan melalui penulisan.

12.5 Pihak pelanggan juga mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi dan data yang diberi adalah benar, mutakhir dan tepat, dan sekiranya ada apa-apa bayaran pada maklumat peribadi pelanggan atau data, pelanggan perlu memaklumkan pihak Bank dengan segera.

13. FORCE MAJEURE

13.1 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

14. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

14.1 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau membuang mana-mana Terma & Syarat dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau dipamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat Pelanggan:

- a) Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau
- b) Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja setelah dipos; atau
- c) Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.

14.2 Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma & Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan dengan kempen atau promosinya, Terma & Syarat ini akan diguna pakai.

- 14.3 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada pelanggan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Terma & Syarat baharu.
- 14.4 Terma-terma dan syarat-syarat termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma & Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 14.5 Pelanggan beragama Islam bertanggungjawab untuk membayar Zakat ke atas Akaun Emas mereka.

NOTIS: Pulangan ke atas MG-i – Akaun Emas adalah tertakluk kepada turun-naik harga emas. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami produk sebelum membuat sebarang deposit.